

# **ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA**

## **PENGURUSAN KRISIS 彭櫟基特 HAIWAN**

No. Dokumentasi: APTVM 24(a):1/2011

**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI  
MALAYSIA**

## ISI KANDUNGAN

## MUKASURAT

### Arahan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar

1.0 Pengenalan .....	1
2.0 Objektif .....	1
3.0 Skop .....	2
4.0 Definisi .....	2
5.0 Rujukan .....	5
6.0 Kata Singkatan .....	6
7.0 Arahan Prosedur Tetap Veterinar .....	7
7.1 Pengurusan Dasar .....	7
7.2 Amaran Awal .....	7
7.3 Pengesahan .....	8
7.4 Penetapan Tahap dan Meletak Kerja .....	9
7.5 Penyelarasan .....	9
7.6 Operasi Kawalan dan Pembasmian .....	10
7.7 Pengurusan Maklumat .....	10
7.8 Pengurusan Media .....	11
7.9 Penilaian dan Penutupan Operasi .....	11
7.10 Laporan Operasi .....	12
8.0 Prosedur Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan .....	12
8.1 Skop dan fungsi .....	12
8.2 Tahap Krisis .....	16
8.3 Operasi Kawalan Penyakit .....	16
8.4 Komponen Pengurusan Krisis .....	17
8.4.1 Pusat Operasi Kawalan Penyakit .....	17
8.4.2 Pasukan Operasi .....	18
8.4.3 Pengurusan Logistik .....	20
8.4.4 Pengurusan Maklumat .....	22

8.4.5 Perhubungan Awam .....	23
8.5 Kebajikan Petugas .....	23
9.0 Lampiran .....	
Lampiran 1 : Carta Aliran Sistem Maklumat di Bilik Gerakan .....	25
Lampiran 2 : Carta Aliran Respon Kecemasan Kejadian Wabak Penyakit .....	26
Lampiran 3 : Jadual 1 : Penetapan Tahap Krisis .....	27
Jadual 2 : Cadangan Keanggotaan Petugas Krisis bagi PON dan PPK .....	27
Jadual 3 : Senarai Semak Keperluan Asas .....	28
Lampiran 4 : Borang Epis 01 .....	30
Lampiran 5 : Borang Epis 06 .....	31
Lampiran 6 : Jadual 4 : Senarai Populasi Ternakan Mengikut Negeri .....	32
Lampiran 7 : Jadual 5 : Senarai Premis Berdaftar Mengikut Negeri .....	33
Lampiran 8 : Jadual 6 : Laporan Pemvaksinan Ternakan .....	34
Lampiran 9 : Jadual 7 : Laporan Penghapusan, Pemusnahan dan Pelupusan Ternakan .....	35
Lampiran 10 : Jadual 8 : Laporan Pampasan Ternakan .....	36
Jawatankuasa Penyediaan APTVM Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan .....	37
Penghargaan .....	37

## **ARAHAN KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR PENGURUSAN KRISIS PENYAKIT HAIWAN**

Kesiapsiagaan menghadapi ancaman wabak penyakit baru muncul, muncul semula, rentas sempadan, zoonotik dan berjangkit yang mempunyai implikasi ekonomi merupakan sebahagian keperluan Pihak Berkuasa Veterinar sebuah negara. Maka Jabatan Perkhidmatan Veterinar perlu mampu untuk mengesan dan bertindak dengan pantas ketika kecemasan. Kejayaan sesuatu pengurusan krisis penyakit haiwan amat bergantung kepada kemampuan untuk membuat keputusan yang tepat pada masanya.

Dalam pengurusan krisis wabak penyakit haiwan, sistem perhubungan dan komunikasi yang cekap amatlah penting. Semua pihak memerlukan maklumat yang tepat dan terkini untuk bertindak dengan baik. Maka menjadi tanggungjawab setiap petugas lapangan untuk melaporkan setiap tindakan dan aktiviti terkini kepada Pusat Operasi Kawalan Penyakit. Sementara orang awam perlu ditenangkan dengan maklumat yang telus dan tuntas serta meyakinkan. Komunikasi melalui media perlu diuruskan secara cekap agar maklumat yang tepat disampaikan kepada awam.

Pusat Pengurusan Krisis berperanan untuk memastikan segala dasar dan arahan yang diputuskan terlaksana diperingkat lapangan. Pusat berkenaan akan menyediakan saluran arahan kepada semua pihak terlibat. Semua pihak terlibat hendaklah memiliki disiplin yang tinggi untuk mematuhi dan melaksanakan dasar dan arahan. Sekiranya terdapat keraguan dan hendaklah dengan serta merta merujuk kembali kepada pusat agar operasi dapat terus berjalan lancar.

Kesiapsiagaan tidak dapat dicapai sekiranya operasi dijenterai oleh mereka yang tidak terlatih. Setiap petugas yang terlibat dalam operasi kawalan dan Pembasmian penyakit hendaklah memiliki kemahiran serta pengetahuan mengenai tugas yang ingin dijalankan. Masa senggang hendaklah digunakan sepenuhnya untuk meningkatkan lagi kompetensi anggota.

Pengurusan krisis wabak penyakit haiwan akan juga melibatkan pelbagai jabatan dan agensi lain. Dalam situasi mobilisasi yang ramai penyelarasannya menjadi sangat penting. Jabatan perlukan sokongan dan dokongan semua pihak untuk memastikan kejayaan operasi.

Maka APTVM Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan ini dikeluarkan untuk memastikan misi yang dipikul jabatan ketika wabak penyakit haiwan akan dapat ditangani dengan pantas, berkesan, dan cemerlang. Maka dengan ini saya ingin mengarahkan kepada seluruh anggota jabatan dan semua mereka yang terlibat dalam operasi kawalan dan pembasmian wabak penyakit haiwan untuk mematuhi arahan ini.



**Dato' Dr. Abd Aziz bin Jamaluddin**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar  
Malaysia

## **ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR MALAYSIA PENGURUSAN KRISIS PENYAKIT HAIWAN**

### **1.0 PENGENALAN**

Jabatan Perkhidmatan Veterinar bertanggungjawab untuk menyelaras dan menyelia operasi kawalan dan pembasmian penyakit haiwan ketika berlaku sesuatu wabak atau krisis penyakit haiwan dan zoonotik. Pusat Pengurusan Krisis ditubuhkan untuk berperanan mengurus operasi di peringkat kebangsaan, negeri dan lapangan. Penekanan akan diberi kepada wabak penyakit baru muncul, muncul semula, rentas sempadan, zoonotik atau berjangkit yang mempunyai implikasi ekonomi. Namun begitu perhatian sepanjang masa akan ditumpukan keatas semua 125 Penyakit Wajib Lapor.

Sementara itu pusat ini mempunyai peranannya yang amat kritikal dalam pengurusan krisis wabak penyakit. Kepentingannya telah dibuktikan ketika jabatan menangani wabak Selsema Burung, Nipah, Penyakit Kuku Dan Mulut, Selsema Babi, Haemorhagic Septiceamia, Tuberculosis, Newcastle Disease, Salmonella Enteritis Brucellosis dan Rabies yang pernah melanda negara.

Pengurusan krisis penyakit haiwan penting kepada kesiapsiagaan negara dalam menghadapi pelbagai ancaman biologikal. Kemampuan Pihak Berkuasa Veterinar untuk mengesan dan bertindak pantas terhadap kecemasan sanitari terutama cetusan wabak penyakit atau kecemasan keselamatan makanan menjadi salah satu ukuran kewibawaan negara. Maka amat penting untuk semua terlibat dalam pengurusan krisis wabak penyakit haiwan untuk mematuhi arahan yang terkandung disini.

### **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Menetapkan saluran rasmi bagi mendapat keputusan dasar dengan pantas dalam menghadapi krisis wabak penyakit haiwan.
- 2.2 Menggariskan prosedur agar arahan bagi menghadapi krisis wabak penyakit haiwan dapat dilaksanakan diperingkat kebangsaan, negeri dan lapangan.

- 2.3 Menentukan fungsi dan peranan serta rangkaian perintah setiap pihak yang terlibat dalam operasi kawalan dan pembasmiyan penyakit haiwan.
- 2.4 Mewujudkan mekanisma penyelaras daripada pelbagai peringkat dalam jabatan negeri dan persekutuan serta agensi yang lain.
- 2.5 Menetapkan sistem pelaporan, komunikasi dan pemantauan dan penilaian ke atas keberkesanan operasi.

### **3.0 SKOP**

Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia (APTV) Pengurusan Krisis Penyakit haiwan ini adalah untuk menubuhkan satu pusat Pengurusan Krisis kawalan penyakit haiwan semasa wabak atau krisis dan zoonotik.

### **4.0 DEFINISI**

#### **4.1 Dekontaminasi**

Aktiviti yang dilakukan untuk memusnahkan dan membunuh kuman (mikroorganisma) yang mengakibatkan penyakit.

#### **4.2 Disinfeksi**

Proses untuk penghapusan kuman (mikroorganisma) yang mengakibatkan penyakit dengan bahan larutan kimia.

#### **4.3 Jawatankuasa Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan**

Jawatankuasa yang dipengerusikan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar untuk memutuskan dasar teknikal bagi mentadbir, mengawal, menyelia dan menilai operasi menangani krisis penyakit haiwan samada diperingkat negara, negeri dan lapangan.

#### **4.4 Jawatankuasa Pengurusan Krisis Penyakit Negeri**

Jawatankuasa yang dipengerusikan Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri bagi menyelaras pelaksanaan operasi dalam menghadapi krisis penyakit haiwan yang berlaku dalam sesebuah negeri.

#### **4.5 Kawasan dijangkiti**

Suatu kawasan yang berlaku penyakit atau, mungkin telah dibawa masuk penyakit.

#### **4.6 Kawasan kawalan**

Kawasan yang telah berlaku penyakit dan terdapat keinginan untuk mengawalnya melalui pelbagai kaedah dan strategi serta ditetapkan larangan tertentu.

#### **4.7 Kawasan pembasmian**

Kawasan yang telah berlaku penyakit dan terdapat keingin untuk membasminya melalui pelbagai kaedah dan strategi serta ditetapkan larangan tertentu.

#### **4.8 Krisis atau Wabak Penyakit**

Sebarang wabak penyakit haiwan penting atau zoonotik yang memberi kesan ekonomi (yang mengakibatkan kematian atau penurunan pengeluaran) yang besar atau berkaitan penjangkitan kepada manusia samada dengan atau tanpa kematian.

#### **4.9 Majlis Keselamatan Negara**

Majlis yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri untuk menyelaras pengurusan krisis dan bencana negara. Pengurusan bencana dikendalikan oleh Jawatankuasa Bencana Negara, Negeri dan Daerah dan urusetiakan oleh Bahagian Keselamatan, Jabatan Perdana Menteri.

#### **4.10 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri**

Majlis kerajaan negeri yang dipengerusikan oleh Menteri Besar dan membuat keputusan dasar dalam negeri berkenaan.

#### **4.11 Makmal Veterinar**

Institusi yang diiktiraf dan diberi kuasa menjalankan pemeriksaan dan ujikaji dan pengesahan penyakit.

#### **4.12 Pasukan Amaran Awal**

Pasukan yang diketuai oleh Pengarah bahagian Pengurusan Biosecuriti dan SPS bagi memantau amaran awal kejadian penyakit disyaki untuk disahkan.

#### **4.13 Pasukan Pengurusan Krisis**

Pasukan pengurusan krisis akan diketuai oleh Pengarah bahagian Pengurusan Biosecuriti dan sps yang akan menyelaras dan memantau perkembangan krisis sehingga penutupannya. Satu pasukan akan mengendalikan satu penyakit dan beberapa pasukan boleh beroperasi serentak.

#### **4.14 Pasukan Tindakan Pantas**

Pasukan yang akan diselaraskan oleh Ketua Seksyen Epidemiologi dan Survelan bagi menjalankan penyiasatan penyakit.

#### **4.15 Pegawai Logistik**

Pegawai yang menguruskan kemudahan peralatan dan segala-galanya.

#### **4.16 Pegawai Veterinar**

Pegawai yang dilantik secara rasmi dan diberi kuasa bagi menjalankan, tugas bagi pihak Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar atau Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri di bawah Akta Binatang 1953.

#### **4.17 Pusat Operasi di Negeri**

Pusat operasi pengurusan krisis peringkat negeri yang bertanggungjawab mentadbir dan mengawal operasi di lapangan dalam sesuatu kawasan atau wilayah yang ditentukan ketika berlaku wabak penyakit haiwan.

#### **4.18 Pusat Operasi Lapangan**

Pusat operasi ini diwujudkan berhampiran dengan kawasan diluar kawasan indeks penyakit

#### **4.19 Pusat Pengurusan Krisis**

Pusat pengurusan krisis untuk operasi kawalan dan pembasmian wabak penyakit haiwan di IPPV, Putrajaya yang bertanggungjawab mentadbir, mengawal, menyelia dan menilai operasi yang menyelaras operasi seluruh negara.

#### **4.20 Premis**

Kawasan /tempat/ladang/loji pemprosesan yang terlibat mengalami wabak atau krisis.

#### **4.21 Survelan**

Aktiviti pensampelan, pelaporan dan penganalisaan yang sistematik bagi mengetahui status, taburan, corak dan tandatanda penyakit dalam populasi ternakan

#### **4.22 Zon Bahaya Jangkitan**

Zon yang berhampiran diluar Zon Jangkitan.

#### **4.23 Zon Jangkitan**

Zon yang merangkumi Premis Jangkitan dan Premis Bahaya Jangkitan

#### **4.24 Zoonotik**

Penyakit haiwan yang boleh berjangkit kepada manusia

### **5.0 RUJUKAN**

#### **5.1 Akta Binatang 1953**

- i) Bahagian III: Pencegahan Penyebaran Penyakit
- ii) Bahagian VII: Menggeledah, Menyita dan Menangkap.

- 5.2 Directive No: 20 : National Security Council
- 5.3 Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
- 5.4 Manual Prosedur Menangani Wabak Penyakit Influenza Unggas sangat Patogenik
- 5.5 Protokol Veterinar Malaysia

## 6.0 KATA SINGKATAN

<b>ADIC</b>	- Pusat Maklumat Penyakit
<b>APTVM</b>	- Arahan Prosedur Tetap Veterinar Malaysia
<b>EpiS</b>	- Seksyen Epidemiologi dan Survelan
<b>IPPV</b>	- Ibu Pejabat Perkhidmatan Veterinar
<b>DVS</b>	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar
<b>DVSN</b>	- Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri
<b>KPPV</b>	- Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
<b>MVK</b>	- Makmal Veterinar Kawasan
<b>PAA</b>	- Pasukan Amaran Awal
<b>PDRM</b>	- Polis Di Raja Malaysia
<b>PK</b>	- Pengurusan Krisis
<b>PPVN</b>	- Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
<b>PPVD</b>	- Pejabat Perkhidmatan Veterinar Daerah
<b>PPK</b>	- Pusat Pengurusan Krisis
<b>PON</b>	- Pusat Operasi Negeri
<b>POL</b>	- Pusat Operasi Lapangan
<b>PPO</b>	- Pasukan Pasca Operasi
<b>PTP</b>	- Pasukan Tindakan Pantas
<b>PWL</b>	- Penyakit Wajib Lapor
<b>SAMPAI</b>	- Sistem Amaran Awal Penyakit Haiwan
<b>SKAP</b>	- Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit

## 7.0 ARAHAN PROSEDUR TETAP VETERINAR

### 7.1 Pengurusan dasar

- 7.1.1 Penyakit yang boleh memberi impak pada kesihatan, sosial, ekonomi dan politik yang besar pada krisis tahap tiga akan dibawa untuk keputusan dasar di Majlis Keselamatan Negara oleh KPPV dan mendapat persetujuan Menteri Besar oleh PPVN berkenaan.
- 7.1.2 Kabinet, Menteri Pertanian, Jawatankuasa Dasar dan Pengurusan akan dimaklumi tentang perkembangan krisis.
- 7.1.3 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Jawatankuasa Pertanian Negeri akan di maklumi oleh PPVN dalam krisis tahap dua.
- 7.1.4 Dasar teknikal dalam pengurusan krisis penyakit haiwan akan diputuskan oleh Jawatankuasa Pengurusan Krisis yang dipengerusikan KPPV. Pakar dan pakar runding boleh dilantik untuk membantu jawatankuasa.
- 7.1.5 Dasar teknikal untuk PWL lazim pada krisis tahap satu akan mematuhi Protokol Veterinar Malaysia untuk penyakit berkenaan.

### 7.2 Amaran Awal

- 7.2.1 Semua kematian haiwan perlu dilaporkan kepada ADIC sebagaimana digariskan dalam APTVM Pengurusan Indeks Penyakit haiwan.
- 7.2.2 Semua sindrom atau tanda-tanda yang disyaki sebagai wabak penyakit hendaklah dilaporkan kepada ADIC. Pelapor digalakkan menggunakan Sistem Amaran Awal Penyakit Haiwan.
- 7.2.3 Petugas ADIC hendaklah boleh dihubungi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan 365 hari setahun. Ketua Seksyen EpiS akan memantau laporan kejadian penyakit sepanjang masa.

- 7.2.4 Penyakit pada tahap biasa akan disusuli oleh Ketua Seksyen Epis melalui penyiasatan penyakit dan penyakit dianggap ancaman besar dibawa ke pengetahuan PAA. Rujuk APTVM Penyiasatan Penyakit dan Kajian Epidemiologi
- 7.2.5 PAA akan memutuskan untuk menggerakkan PTP.

### 7.3 Pengesahan

- 7.3.1 Petugas PTP hendaklah sentiasa siapsiaga dan boleh dihubungi 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan 365 hari setahun.
- 7.3.2 Sampel yang dihantar oleh PTP untuk ujian Makmal Veterinar hendaklah diproses serta merta dan dihantar keputusannya kepada PAA sebaik sahaja keputusan diperolehi.
- 7.3.3 Pengarah MVK yang mengesahkan sebarang PWL, penyakit baru muncul, muncul semula, rentas sempadan dan zoonotik juga hendaklah memaklumkan serta merta kepada KPPV melalui ADIC.
- 7.3.4 PAA akan melaporkan kepada KPPV mengenai pengesahan penyakit dan situasi yang dianggap sebagai krisis penyakit haiwan.
- 7.3.5 KPPV akan mengeluarkan arahan kepada PPVN berkenaan dan pada masa sama Menteri Pertanian akan dimaklumi.
- 7.3.6 PPVN berkenaan akan menghubungi Menteri Besar serta merta dan memaklumkan kejadian penyakit untuk mendapat tandatangan beliau ke atas Perintah Kawalan Penyakit. Menteri Besar perlu dihubungi secara peribadi dan diberi laporan langsung mengenai situasi krisis.
- 7.3.7 Setelah mendapat perintah tersebut PPVN menandatangani Kaedah Kawalan penyakit berkenaan. Perintah dan Kaedah itu berkuatkuasa serta merta sebaik sahaja tandatangan diturunkan.

- 7.3.8 PPVN hendaklah sepanjang masa memiliki draf perintah dan kaedah yang telah disemak. Pastikan draf akhir disemak dan diluluskan oleh Penasihat Undang-undang sebelum ditandatangani Menteri Besar.
- 7.3.9 Pastikan perintah memiliki tempoh kuatkuasa untuk mengelak krisis berterusan. Dokumen perintah dan kaedah hendaklah diserahkan kepada Pejabat Penasihat Undang-undang untuk penerbitan Warta.

#### **7.4 Penetapan Tahap dan Meletak Kerja**

- 7.4.1 Jawatankuasa Pengurusan Krisis akan bersidang serta merta dengan sokongan pakar dan pakar runding serta pihak berkepentingan.
- 7.4.2 KPPV melalui Jawatankuasa Pengurusan Krisis akan menilai krisis yang dihadapi dan menggariskan langkah serta merta, jangka sederhana dan jangka panjang yang akan diambil.
- 7.4.3 KPPV akan menetapkan tahap krisis samada pada tahap tiga, dua atau satu.
- 7.4.4 Krisis tahap tiga akan dibawa kepada semua peringkat hingga Majlis Keselamatan Negara dan kabinet. Krisis tahap dua akan ditangani diperingkat negeri melalui Menteri Besar. Krisis tahap satu akan di kendali atas arahan KPPV. (Rujuk Jadual 1)
- 7.4.5 KPPV akan meletakkan kerja secara rasmi sebagai titik permulaan operasi pengurusan krisis penyakit.

#### **7.5 Penyelarasan**

- 7.5.1 Penyelarasan krisis tahap tiga akan melibatkan seluruh jentera krisis serta melibatkan mobilisasi pelbagai agensi. Penyelarasan pusat akan dibuat melalui Majlis Keselamatan Negara dan Jawatankuasa Pengurusan Bencana dan Bantuan Kebangsaan, Negeri dan Daerah.

- 7.5.2 Penyelarasan krisis tahap dua akan dibuat melalui Majlis Kerajaan Negeri, Jawatankuasa Pertanian Negeri dan Jawatankuasa Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan Negeri.
- 7.5.3 Penyelarasan krisis tahap satu akan dibuat melalui Jawatankuasa Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan dan Pasukan Pengurusan Krisis.
- 7.5.4 Dalam setiap tahap krisis tersebut, KPPV dan Jawatankuasa Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan akan bertindak sebagai jawatankuasa teknikal dan kerja.
- 7.5.5 Pengarah PBS akan mengetuai PAA dan Pasukan Pengurusan Krisis.
- 7.5.6 Ketua Seksyen EpiS akan menyelaras ADIC dan mengetuai RAT.
- 7.5.7 Ketua Seksyen Kawalan dan Pembasmian Penyakit (SKAP) akan mengetuai PK.

## **7.6 Operasi kawalan dan pembasmian**

- 7.6.1 PPVN akan menjadi Pengarah Operasi Kawalan dan Pembasmian Penyakit dalam negerinya.
- 7.6.2 Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar akan menjadi Ketua Operasi di Lapangan.

## **7.7 Pengurusan Maklumat**

- 7.7.1 Segala maklumat dalam pengurusan krisis merupakan maklumat terperingkat.
- 7.7.2 Semua keputusan perlu memiliki minit yang sah. Keputusan yang perlu dibuat serta merta hendaklah juga diminitkan kemudian.
- 7.7.3 Semua laporan hendaklah tepat dan benar. Sebahagian dari maklumat mungkin akan menjadi rujukan mahkamah.

- 7.7.4 Semua maklumat terkini hendaklah dihantar kepada PPK dan laporan kepada KPPV hendaklah sentiasa dikemaskini.
- 7.7.5 Petugas di POL hendaklah melaporkan kepada PON dan seterusnya PON kepada PPK. Petugas hendaklah sentiasa mengemaskini dan menyemak ketepatan data.

## 7.8 Pengurusan Media

- 7.8.1 Kenyataan awam yang menyentuh dasar akan hanya dibuat oleh Menteri Pertanian dan Menteri Besar berkenaan.
- 7.8.2 Kenyataan menyentuh isu teknikal serta pelaksanaan menyeluruh akan dibuat oleh KPPV.
- 7.8.3 Kenyataan mengenai situasi tempatan dan pelaksanaan kawalan boleh dibuat oleh PPVN.
- 7.8.4 Semua kenyataan perlu dipastikan ketepatan dan akan dimuat naik ke dalam laman sesawang jabatan.
- 7.8.5 Pegawai media hendaklah menyelaras pendedahan media di kawasan operasi bagi menjamin keselamatan serta mengelak herotan maklumat.

## 7.9 Penilaian dan Penutupan Operasi

- 7.9.1 Pasukan Pengurusan Krisis akan menilai situasi krisis samada aktif, dikawal, terkawal dan selesai.
- 7.9.2 Krisis yang telah berjaya diselesaikan akan disyorkan tutup operasi pengurusan krisis oleh Pasukan Pengurusan Krisis dengan pengesahan KPPV.
- 7.9.3 Kawalan dan pembasmian penyakit akan mengikut prosedur biasa.

## 7.10 Laporan operasi

- 7.10.1 Ketua Seksyen EpiS akan menyediakan laporan status penyakit bagi krisis tahap satu untuk makluman Jawatankuasa Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan.
- 7.10.2 Pengarah Operasi Kawalan dan Pembasmian Penyakit akan menyediakan laporan untuk makluman Jawatankuasa Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan bagi krisis tahap dua.
- 7.10.3 Pasukan Pengurusan Krisis akan menyediakan laporan untuk setiap operasi pengurusan krisis penyakit haiwan dengan menekankan perkara yang di pelajari dan syor pembaikan untuk makluman Jawatankuasa Kawalan Penyakit Haiwan Kebangsaan, Kementerian Pertanian, Majlis Keselamatan Negara dan Kabinet dimana berkenaan.

## 8.0 PROSEDUR PENGURUSAN KRISIS PENYAKIT HAIWAN

### 8.1 Skop dan Fungsi

#### 8.1.1 Jawatankuasa Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan

Pengerusi : KPPV  
Urusetia : Bahagian PBS

- i) Menetapkan dasar teknikal dan prosedur kerja untuk kawalan dan pembasminan sesuatu penyakit.
- ii) Menetapkan tahap krisis dan tindakan sewajarnya.
- iii) Menyediakan sumber kepakaran, tenaga, peralatan, biologik dan kewangan untuk operasi pengurusan krisis mencukupi.
- iv) Mentadbir, mengawal, menyelia dan menilai operasi menangani krisis penyakit haiwan samada diperingkat negara, negeri dan lapangan.

- v) Menyelaras kempen kesedaran awam.
- vi) Menasihati kerajaan tentang langkah terbaik yang perlu diambil.

#### **8.1.2 Jawatankuasa Pengurusan Krisis Penyakit Negeri**

Pengerusi : PPVN  
Urusetia : Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar

- i) Menyelaras pelaksanaan operasi pengurusan krisis di peringkat negeri.
- ii) Menilai pelaksanaan operasi di lapangan.
- iii) Memastikan sistem pelaporan dan pengurusan maklumat sempurna.
- iv) Memastikan kempen kesedaran awam disempurnakan.
- v) Menasihati kerajaan negeri tentang langkah wajar.

#### **8.1.3 Pasukan Pengurusan Krisis**

Ketua : Pengarah PBS  
Urusetia : Ketua SKAP

- i) Memastikan Pusat Krisis dan ADIC berfungsi.
- ii) Memastikan Pelan Kesiapsiagaan ada dan di patuh.
- iii) Menyelaras operasi kawalan dan pembasmian peringkat pusat.
- iv) Memastikan bekalan dan logistik sokongan mencukupi.
- v) Menyediakan laporan krisis.

#### **8.1.4 Pasukan Amaran Awal (PAA)**

Ketua : Pengarah PBS  
Urusetia : Ketua Seksyen EpiS

- i) Menilai laporan penyakit yang diterima ADIC samada boleh menjadi krisis.
- ii) Melantik PTP dan mengatur tindakan awal.
- iii) Menggerakkan prosedur PTP.

#### **8.1.5 Pasukan Tindakan Pantas (PTP)**

Ketua : Ketua Seksyen EpiS  
Urusetia : Unit Epidemiologi

- i) Membentuk PTP.
- ii) Menjalankan penyiasatan Penyakit.
- iii) Memberi amaran awal untuk mengatasi keutamaan lain di makmal.
- iv) Memastikan keputusan diperolehi paling cepat.

#### **8.1.6 Pusat Pengurusan Krisis**

Ketua : Ketua SKAP  
Urusetia : Unit SKAP

- i) Menyelaras jadual pelaksanaan.
- ii) Menyelaras dan mengatur penghantaran petugas serta pakar.
- iii) Memastikan sokongan logistik mencukupi.
- iv) Memastikan bekalan vaksin dan biologik mencukupi.
- v) Menyelaras kempen kesedaran awam.
- vi) Mengumpul data dan maklumat operasi.
- vii) Menerima laporan kejadian wabak atau krisis penyakit daripada PON.

- viii) Menyelaras dan memantau operasi kawalan dan pembasmian penyakit.
- ix) Mengumpulkan maklumat operasi harian dari kawasan Krisis.
- x) Menyemak maklumat harian yang dikemukkan dari negeri/kawasan Krisis.
- xi) Mengkaji dan mengandilisa maklumat harian.
- xii) Menyediakan laporan harian untuk disalurkan kepada pihak-pihak berkaitan seperti, Perdana Menteri (Menteri Besar bagi negeri), Menteri Pertanian (Exco Pertanian bagi negeri), Ketua Pengarah (Pengarah negeri bagi negeri) lain-lain kementerian, jabatan dan agensi berkaitan, laman sesawang dan penyimpanan di dalam fail.
- xiii) Menyediakan laporan untuk media masa.
- xiv) Menerima laporan daripada orang awam.
- xv) Menentukan laporan dari orang awam disusuli.

#### **8.1.7 Pusat Operasi di Negeri**

Pengarah Operasi : PPVN  
Urusetia : Ketua Bahagian  
Kesihatan Veterinar

- i) Menyediakan jadual pelaksanaan.
- ii) Menyusun dan menyelaras penggunaan sumber serta petugas.
- iii) Menguruskan bekalan vaksin, biologik dan stok peralatan yang diperlukan.
- iv) Memastikan arahan dan prosedur dipatuhi.
- v) Menyelaras kempen kesedaran awam.
- vi) Pengukuasaan undang-undang.
- vii) Mengumpul data dan maklumat operasi.

### 8.1.8 Pusat Operasi Lapangan

Ketua Operasi : Ketua Bahagian Kesihatan Veterinar  
Urusetia : PPVD

- i) Menjalankan operasi kawalan dan pembasmian penyakit.
- ii) Memastikan semua arahan dan prosedur dipatuhi.
- iii) Memastikan perlindungan keselamatan petugas disediakan.
- iv) Pengukuhan undang-undang.
- v) Merekod data dan laporan operasi.

### 8.2 Tahap Krisis

Tahap krisis akan ditentukan sebagai di lampiran (rujuk Lampiran A)

### 8.3 Operasi Kawalan Penyakit

8.3.1 Pengurusan operasi kawalan penyakit di selaras dalam tiga peringkat:

IPPV	- PPK
DVSN	- PON
Kawasan kawalan penyakit	- POL

8.3.2 Pusat operasi akan beroperasi di:

8.3.2.1 PPK akan berada di Bahagian PBS, Putrajaya dan akan beroperasi sepanjang masa ketika berlakunya krisis.

8.3.2.2 PON akan beroperasi di DVSN.

8.3.2.3 POL akan berada berhampiran kawasan dijangkiti, kawalan dan pembasmian serta berada di luar zon bahaya jangkitan. POL boleh menggunakan PPVD, balai raya, sekolah, pejabat kerajaan lain atau

khemah mudahalih sementara. Kenderaan juga boleh dijadikan pusat operasi bergerak.

#### **8.4 Komponen Pengurusan Krisis**

Pengurusan krisis penyakit haiwan mengandungi;

- i) Pusat Operasi Kawalan Penyakit
- ii) Pasukan Operasi
- iii) Pengurusan logistik
- iv) Pengurusan maklumat
- v) Perhubungan Awam

##### **8.4.1 Pusat Operasi Kawalan Penyakit**

###### **8.4.1.1 Pusat Pengurusan Krisis**

- Jawatankuasa Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan
- Pasukan Pengurusan Krisis
- Pasukan Amaran Awal
- Pasukan Tindakan Pantas
- ADIC
- Pegawai Perhubungan Awam – Kempen Kesedaran Awam
- Pegawai Logistik

###### **8.4.1.2 PON**

- Jawatankuasa Pengurusan Krisis Negeri
- Pegawai Logistik
- Pegawai Maklumat
- Pegawai Perhubungan Awam – Kempen Kesedaran Awam
- Pegawai Logistik

#### 8.4.1.3 POL

- Pasukan
- PPVD
- Penguatkuasa
- PDRM

#### 8.4.2 Pasukan Operasi

Pasukan yang ditubuhkan untuk menjalankan operasi:

- ◊ Vaksinasi/ Penghapusan
- ◊ Disinfeksi/ Dekontaminasi
- ◊ Pemusnahan
- ◊ Pelupusan
- ◊ Survelan
- ◊ Penguatkuasaan
- ◊ Pasca Operasi

#### 8.4.2.1 Pasukan Vaksinasi/Penghapusan

Pasukan yang bertanggungjawab dalam operasi penghapusan ternakan dan hasilan produk-produk ternakan semasa berlakunya wabak atau krisis penyakit haiwan dan zoonotik.

Bilangan anggota pelupusan bergantung kepada jumlah ternakan yang perlu dilupuskan dan dimusnahkan. Selain itu, bantuan dan kerjasama pihak penternak juga penting dalam mempercepatkan lagi operasi pelupusan dan pemusnahan haiwan. (Rujuk APTVM Vaksinasi dan APTVM Penghapusan)

#### **8.4.2.2 Pasukan Pemusnah**

Pasukan pemusnah terlibat dalam memusnahkan bangunan dan peralatan yang telah dijangkiti atau disyaki terjangkit termasuklah premis haiwan. ( Rujuk APTVM Penghapusan)

#### **8.4.2.3 Pasukan Pelupusan**

Pasukan pelupusan yang perlu menentukan kaedah pelupusan sesuai dan lokasi pelupusan. Pasukan perlu mendapat kerjasama agensi tempatan dan Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan dan Saliran, Jabatan Alam Sekitar, Pejabat Tanah dan Galian, Pejabat Daerah dan Majlis Kerajaan Tempatan. (Rujuk APTVM Penghapusan)

#### **8.4.2.4 Pasukan Penguatkuasa**

Pasukan dianggotai Pegawai Penguatkuasa Jabatan dengan bantuan pihak Polis yang berperanan untuk menyita ladang terjangkit, mengkuarantin Zon Jangkitan, Zon Disyaki dan Zon Survalen dan mengadakan sekatan jalan raya untuk memastikan tiada ternakan dan bahan berisiko meninggalkan zon berisiko sehingga dibenarkan.

Pergerakan kenderaan hendaklah dilarang atau dihadkan ke kawasan Wabak atau krisis bagi mengelak perebakan penyakit ke kawasan lain. Tapi, bagi kenderaan yang membawa makanan ke Zon Survelan perlulah di kawal dan disucihamza dengan sepenuhnya.

#### **8.4.2.5 Pasukan Pasca Operasi**

Pasukan yang bertanggungjawab menjalankan operasi suntikan atau operasi pemusnahan bagi kerja-kerja yang tertinggal oleh pasukan yang terdahulu.

#### **8.4.2.6 Pasukan Dekontaminasi dan Sucihama (Rujuk APTVM Disinfeksi)**

Pasukan yang bertanggungjawab dalam mengkontaminasikan dan mensuciama sekitar Kawasan Zon Jangkitan supaya virus dapat dimusnahkan. Segala bahan-bahan organik yang ada di permukaan lantai, dinding, reban/ sangkar/ kandang, peralatan-peralatan lain dan sebagainya perlulah dibersihkan terlebih dahulu sebelum larutan disinfektan disembur pada kawasan tersebut. Pasukan yang terlibat dalam operasi dekontaminasi ini perlulah mematuhi arahan nyahkuman pada pakaian, peralatan dan kenderaan yang digunakan.

#### **8.4.2.7 Pasukan Survelan**

Pasukan surveyan bergerak dalam zon surveyan bagi menjalankan surveyan aktif di luar dari kawasan terjangkit bagi menentukan sempadan penyakit. Mereka perlu sentiasa bergerak dari luar ke dalam dan mengamalkan sucihama pada setiap lokasi.

#### **8.4.3 Pengurusan logistik**

Pengurusan logistik akan meliputi:

- Penjadualan
- Kenderaan
- Peralatan
- Vaksin dan Biologik
- Ubat dan bahan Kimia

#### **8.4.3.1 Penjadualan**

PON hendaklah menyediakan jadual dengan diselaraskan bersama Ketua Operasi. Bebanan tugas serta capaian tempat serta kemudahan prasarana dan keselamatan harus diambil kira.

#### **8.4.3.2 Kenderaan**

Ketua Operasi hendaklah memiliki kenderaan yang mencukupi beserta pemandu atau terdapat pegawai yang diberi kuasa untuk memandu. Kenderaan hendaklah diselenggara dan memiliki bekalan bahan api yang cukup. Pemandu hendaklah boleh dihubungi untuk membantu pengangkutan dalam kawasan operasi. Kenderaan hendaklah dibahagikan mengikut zon terjangkit dan diluar zon.

#### **8.4.3.3 Peralatan**

Semua peralatan yang diperlukan semasa wabak hendaklah disediakan sebelum operasi bermula.

#### **8.4.3.4 Vaksin dan Biologik**

Bekalan vaksin dan biologik hendaklah mencukupi dan dijaga dengan baik (Rujuk APTVM Vaksinasi).

#### **8.4.3.5 Ubat dan bahan Kimia**

Bekalan ubat dan bahan kimia hendaklah mencukupi dan di kendali dengan betul.

#### 8.4.4 Pengurusan maklumat

##### 8.4.4.1 Pengumpulan Maklumat

Maklumat yang diterima dari pelbagai sumber akan dikumpulkan dan kemudian di analisa untuk dikeluarkan sebagai laporan. Oleh itu, Pusat Pengurusan Krisis ini merupakan pusat operasi yang berperanan penting dalam menerima data dari pelbagai sumber untuk dianalisis. Maklumat-maklumat yang telah di analisis akan diformatkan dalam bentuk laporan untuk dikeluarkan dari masa ke semasa mengikut keperluan dan arahan dari pihak atasaran. Setiap laporan yang dikeluarkan mestilah terlebih dahulu disemak dan diluluskan oleh Ketua Operasi Kawalan Penyakit.

##### 8.4.4.2 Maklumat dan laporan yang diterima PPK

- Jawatankuasa Pemandu Kawalan / Jawatankuasa Kabinet / Jawatankuasa Antara Agensi
- PON peringkat Negeri/Daerah
- Bilik Gerakan Kementerian Kesihatan
- Pasukan Amaran Awal
- Pasukan Tindak Pantas
- Makmal
- Kuarantin/Pintu Masuk
- Orang Awam/Penternak

##### 8.4.4.3 Laporan yang dikeluarkan dari PPK

- Laporan Survelan
- Arahan dari masa ke semasa kepada semua pasukan operasi
- prosedur terkini proses import/ekport serta senarai produk-produk dari negara tertentu yang dilarang masuk

- Laporan khas kepada YB Perdana Menteri, Jawatankuasa Kabinet, Menteri Pertanian, Timbalan Menteri Pertanian, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian, Pengarah Kawalan Penyakit Jabatan Kesihatan
- Laporan akhir
- Maklumat Laman web
- Maklumat Teknikal kepada orang awam

#### **8.4.5 Perhubungan Awam**

- 8.4.5.1 PPK dan PON akan menjalankan Kempen Kesedaran Awam. Rujuk APTVM Kempen Kesedaran Awam
- 8.4.5.2 Sebarang kenyataan media hendaklah diselaraskan oleh Pegawai Perhubungan Awam.
- 8.4.5.3 Khidmat nasihat akan disampaikan oleh semua anggota jabatan. Rujuk APTVM Khidmat Nasional dan Pemgembangan Veterinar
- 8.4.5.4 PON akan mengatur majlis penerangan bersama Media.
- 8.4.5.5 Pegawai penerangan POL akan menjalankan penerangan dikawasan operasi.


#### **8.5 Kebajikan Petugas**

Ketua Operasi hendaklah menugaskan seorang penyelaras untuk memastikan tempat tinggal, makan dan pakaian keselamatan anggota disediakan. Kebajikan ahli pasukan yang uzur hendaklah diberi perhatian. Kemudahan rawatan ringan hendaklah disediakan. Berikut adalah perkara yang perlu diberi perhatian untuk menjaga kebajikan petugas:


- 8.5.1 Prosedur Operasi Harian
- 8.5.2 Semua pasukan berkumpul di POL untuk penerangan ringkas Ketua Operasi
- 8.5.3 Penyelarasian jadual, peralatan dan petugas dijalankan
- 8.5.4 Langkah keselamatan diri hendaklah dipatuhi
- 8.5.5 Prosedur sucihama hendaklah diikuti
- 8.5.6 Tugas harian yang dijalankan hendaklah direkodkan
- 8.5.7 Setiap perkembangan dilaporkan ke POL
- 8.5.8 Pasukan bantuan dihantar ke kawasan yang diperlukan
- 8.5.9 Prosedur sucihama dipatuhi sebelum meninggalkan lokasi
- 8.5.10 Ketua pasukan akan melaporkan kepada Ketua Operasi
- 8.5.11 Mesyuarat harian akan dipengerusikan oleh Ketua Operasi

*Lampiran 1*

**Carta Alir Sistem Maklumat Di Bilik Gerakan**



**Lampiran 2**



**Lampiran 3****Jadual 1 : Penetapan Tahap Krisis**

Tahap	Kriteria	Rujukan
Satu	PWL	JK Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan
	Endemik	JK Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan Negeri
	Kejadian menyebabkan kerugian setempat	JK Kawalan Penyakit Kebangsaan
	Zoonotik tetapi tidak menyebab kematian	
	Wujud PVM dan APTVM untuknya	
Dua	PWL	Menteri Besar
	Kejadian boleh menyebab kerugian besar	Jawatankuasa Pertanian
	Zoonotik dan boleh membahayakan	JK Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan Negeri
	Sporadik dan rentas sempadan	JK Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan
	Wujud PVM dan APTVM untuknya	JK Kawalan Penyakit Kebangsaan
Tiga	PWL, muncul semula	Kabinet
	Eksotik, baru muncul, rentas sempadan	Majlis Keselamatan Negara
	Menjejaskan sosial dan kerugian ekonomi	Menteri Basar
	Zoonotik dan boleh menyebab kematian	Jawatankuasa Pertanian
	Belum wujud PVM dan APTVM	JK Pengurusan Krisis Penyakit Haiwan Negeri

**Jadual 2: Cadangan keanggotaan Petugas Krisis Bagi PON dan PPK.**

Peringkat	Negeri	Ibu Pejabat
Tugas	Bil.	Bil.
Ketua PPK	1	1
Maklumat perhubungan awam	-	1
Kenyataan akhbar	-	1
Pegawai Statistik	3	1
Penyediaan lapuran	-	1
Penghantar lapuran	1	-
Duty Roster	1	-
Suci Hama	1	-

**Jadual 3: Senarai semak keperluan asas yang diperlukan**

Item Dokumen	Bil. unit
1. APTVM Pengurusan Krisis	
2. Manual Prosedur Kerja	
3. APTVM yang berkaitan	
4. Carta Organisasi Pusat Pengurusan Krisis	
5. Borang Untuk Pengkalan Data	
a) Pelaporan kes (EpiS01 dan Epis 06)	
b) Borang Persampelan	
c) Pelaporan keputusn makmal	
d) Format Laporan /Status Harian	
e) Format Kenyataan Akhbar	
6. Surat khabar harian	
7. Peta mukim/daerah/negeri	
8. Poster, risalah, leaflets	
9. Pengkalan data Senarai Pegawai Veterinar Swasta	
10. Pengkalan data Senarai ladang ternakan	
a) nama penternak, kod pelesenan,	
b) alamat, no telefon, GPS,	
c) saiz ladang, kapasiti, jurusan penternakan	
11. Pengkalan data Senarai (yang mana berkaitan)	
a) Premis	
b) loji,	
c) sanktuari,	
d) pasar basah,	

Kemudahan tambahan yang diperlukan untuk kesejahteraan dan kemudahan staf yang bertugas termasuklah:

- Peralatan pejabat
- Peralatan teknikal untuk di lapangan
- Akses peti sejuk dan vaksin
- Pengkalan data seperti fail-fail dan fail kabinet
- Senarai ladang
- Senarai nama, alamat, telefon bimbit semua anggota operasi
- Senarai pegawai Veterinar Swasta
- Senarai loji pemprosesan ayam/daging
- Senarai pasar-pasar basah dan rumah sembelih
- Senarai kedai haiwan kesayangan dan kedai burung peliharaan
- Senarai pengimport produk-produk unggas dan hasilan unggas
- Senarai pembeli/peniaga daging
- Senarai pintu masuk kuarantin
- Maklumat-maklumat teknikal penyakit
- Manual/protokol kawalan penyakit

**Lampiran 4**

No. Index Penyakit:  
Tarikh:

**BORANG LAPORAN KEJADIAN PENYAKIT (EPIS01)**

Maklumat Tuanpunga Haiwan				PREMIS ID
Nama Penernak				
Alamat				
Kampung/Ladang				
Mukim		Daerah		
Negeri	Bacaan GPS:			
Terlibat dengan penerangan ternakan	(Ya/Tidak)	No. Telefon bimbit		
Maklumat Ternakan				
Spesies	Seaka	Umur	Jantina	
1	1	1	1	
Sistem penerapan:	Status Vaksinasi:	Ternakan sakit dari:	Jika datang dari luar kawasan, nyatakan dari mana	
* kandang/reban dan * berpasar/lepas bebas	[Jenis vaksin/Tarikh dicentuh]	dalam kawasan /luar kawasan		
Maklumat Penyakit <sup>1</sup>				
Bil. Populasi haiwan	Bil. sakit	Bil. mati	Bil. dimusnah	Bil. disembuh
Tanda-rinda penyakit	1			
Tarikh dikesan oleh tuanpunga	Tarikh dilapor oleh tuanpunga	Tarikh siasatan awal		
Diagnosis				
Penyakit ditulsi	1	Diagnosis Pembedaan:		
Sampel dihantar ke Makmal	1			
Nama Makmal	1			
Kawalan Penyakit (Gunakan langkah kod Kawalan penyakit spt di Epis06(a)(b))				
Tindakan segera kawalan penyakit:				
Maklumat Pegawai yang bertanggungjawab keatas Kes ini.				
Nama	1	Jawatan	1	
Alamat tempat kerja	1			
No. Telefon bimbit	1			
Maklumat Pelapor				
Nama	1	Jawatan	1	
Alamat tempat kerja	1			
No. Telefon bimbit	1			

<sup>1</sup> Bacaan dalam decimal degree eg. 10 15.6389, 3 45.679<sup>2</sup> Laporan ini berasaskan dihantar kepada KETUA SEKSYEN EPIDEMIOLOGI DAN SURVELAN, IPPV Putrajaya dalam masa 34 jam selepas siasatan, sebaliknya melalui surat elektronik atau fax (03-8888 6472).

**Lampiran 5****BORANG EpS 06**

RUJUKAN KAMI	
TARIKH	

**BORANG KAWALAN DAN SURVELANS STATUS INDEKS PENYAKIT HAIWAN**

NO. INDEKS PENYAKIT ::	DALAM ZON/KAWASAN/PREMIS TERJANGKIT (1 km)	DALAM KAWASAN/ZON BERISIKO (2 hingga 10 km)
<b>PENYAKIT :</b>		
<b>Spesies ternakan</b>		
Baka		
Umur		
Statistik/bilangan /populasi ternakan		
Bil. Gerompok/penternak		
Jumlah bil. Ternakan		
<b>A. TINDAKAN</b>		
Bil. Yang dirawat		
Bil. Mati		
Bil. Yang diasingkan/kuarantin		
Bil. Yang dimusnah		
Bil. Disembeliti		
Bil. Premis yang diinfeksi		
<b>B. KAWALAN PERGERAKAN HAIWAN YANG BERISIKO</b>		
Bil. Permit pergerakan haiwan di keluarkan (Ya/Tidak)		
Kawalan pergerakan haiwan keluar/masuk premis (Ya/Tidak)		
*Nyatakan tarikh mula dan tarikh akhir jika ada		
Sekatan jalan raya (Ya/Tidak)		
*Nyatakan tarikh mula dan tarikh akhir jika ada		
<b>C. VAKSINASI</b>		
Jenis vaksin		
Bil. Haiwan di vaksinasi		
Tarikh vaksinasi terkini		
<b>D. SURVELAN/SARINGAN</b>		
Tarikh surveleans		
Bil. Haiwan yang diperiksa		
Bil. Haiwan yang menunjukkan tanda klinikal		
Bil. Sampel di ambil (jika ada)		
Jenis sampel yang diambil		
Nama makmal yang dihantar		
No. Rujukan makmal		
<b>E. KESEDARAN AWAM</b>		
Bil. Kakitangan diberitahukan		
Bil. Penternak yang terlibat dan ternakan mereka berisiko yang dimaklumkan		

Nama Pegawai Pelapor :

No. Telefon Bimbit :

Tarikh :

Untuk kegunaan Seksyen Epidemiologi dan Survelans

Tarikh dihantar	
Penghantar	

Catatan:

1. Tarikh vaksinasi berikutnya : \_\_\_\_\_
2. Tarikh lawatan/surveleans berikutnya : \_\_\_\_\_

Lampiran 6

#### Jadual 4: Senarai Populasi Ternakan Mengikut Negeri

Lampiran 7

#### Jadual 5: Senarai Premis Berdaftar Mengikut Negeri, DUN dan Mukim

Lampiran 8

## Jadual 6: Laporan Pemvaksinan Ternakan

Negeri :

## Tarikh :

Lampiran 9

#### Jadual 7: Laporan Penghapusan, Pemusnahan dan Pelupusan Ternakan

Negeri :

Tarikh :

### Jadual 8: Laporan Pampasan Ternakan

Negeri :

## Tarikh :

## **JAWATANKUASA PENYEDIAAN APTVM PENGURUSAN KRISIS PENYAKIT HAIWAN**

***Penasihat***

Y.Bhg. Dato' Dr. Mohamad Azmie bin Zakaria

***Ketua Editor***

Dr. Ahmad bin Salleh

***Sidang Pengarang***

Dr. Ahmad Bin Salleh

Dr. Azri Adzhar

Dr. Mohd Mokthar Bin Arshad

Dr. Dayang Salwani Awang Masherri

### **PENGHARGAAN**

Jutaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penyediaan APTVM ini, khususnya;

- 1) Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar
- 2) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (KV)
- 3) Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (P)
- 4) Semua Pengarah Bahagian, IPPV
- 5) Semua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Negeri
- 6) Semua Ketua Seksyen, IPPV
- 7) Semua Pegawai SKAP